

SOALAN LAZIM

BAHAGIAN PELABURAN STRATEGIK (SID) KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Bil.	Soalan	Jawapan
1.	Apakah yang dimaksudkan dengan Pelaburan Strategik?	Dalam konteks SID, pelaburan strategik merujuk kepada peranan Kementerian Kewangan dalam aktiviti pelaburan melalui pemberian pinjaman/pembiayaan bagi membiayai projek-projek pembangunan negara di bawah Rancangan Malaysia dan jaminan Kerajaan Persekutuan bagi projek-projek infrastruktur dan strategik negara.
2.	Apakah Agensi/Badan Berkanun Persekutuan yang diselia oleh Bahagian Pelaburan Strategik (SID)?	Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC). BNM yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009 [Akta 701] merupakan pengawal selia industri kewangan manakala SC yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 [Akta 498] adalah pengawal selia industri pasaran modal.
3.	Apakah peranan SID dalam menyelia BNM dan SC?	SID berperanan untuk menyelaras dan memproses penggubalan/pindaan akta/perintah/kaedah/peraturan bagi BNM dan SC untuk pertimbangan dasar dan kelulusan Menteri Kewangan/Jemaah Menteri/ Parlimen, seterusnya pewartaan. SID juga terlibat dalam hal ehwal korporat BNM dan SC seperti urusan pelantikan dan kelulusan laporan tahunan serta penyata kewangan.
4.	Apakah yang dimaksudkan sebagai institusi kewangan yang boleh menerima pendeposit Kerajaan?	a) Institusi kewangan yang diluluskan taraf bagi menerima deposit daripada Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan merupakan suatu pengiktirafan yang diperolehi daripada MOF kepada institusi-institusi kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758], Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759] dan Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [Akta 618]. Penyimpanan deposit oleh Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan dalam institusi kewangan yang diluluskan adalah bagi memastikan keselamatan dan jaminan deposit serta

Bil.	Soalan	Jawapan
		<p>kemudahan kecairan yang munasabah untuk tujuan dan mandat penubuhan Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan tersebut.</p> <p>b) Senarai institusi-institusi kewangan yang telah diluluskan sebagai penerima deposit daripada Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan boleh di akses melalui pautan https://mof.gov.my/portal/ms/bisnes</p>
5.	<p>Apakah itu insentif dana pembangunan?</p>	<p>Secara umumnya, insentif dana pembangunan merujuk kepada insentif kewangan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk membantu kumpulan sasar khususnya bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) yang dikenal pasti bagi sesuatu program pembiayaan yang diumumkan dalam Ucapan Belanjawan Tahunan Kerajaan Persekutuan atau keadaan-keadaan tertentu mengikut keperluan semasa (contoh Pakej Rangsangan Ekonomi).</p>
6.	<p>Apakah jenis insentif dana pembangunan yang disediakan oleh Kerajaan?</p>	<p>Jenis insentif dana pembangunan disediakan adalah seperti berikut:</p> <p>(a) Subsidi kadar faedah/keuntungan</p> <p>Institusi Kewangan (IK) memberikan pembiayaan perniagaan kepada pelanggan/peminjam di bawah program pembiayaan tertentu. Kerajaan membiayai sebahagian kadar faedah atau kadar keuntungan bagi pinjaman/pembiayaan yang dikenakan oleh IK. Peruntukan dana pembiayaan adalah dari sumber dalaman IK.</p> <p>(b) Subsidi Yuran Jaminan</p> <p>Pelanggan membuat terbitan sukuk/bon yang dijamin IK untuk mendapatkan dana pembiayaan perniagaan daripada pasaran modal. Kerajaan membiayai sebahagian yuran jaminan yang dikenakan oleh IK.</p>

Bil.	Soalan	Jawapan
		<p>(c) Jaminan Pembiayaan Perniagaan</p> <p>Pelanggan/peminjam mendapatkan pembiayaan perniagaan daripada IK terlibat dan Kerajaan bertindak sebagai penjamin. Sekiranya peminjam/pelanggan itu gagal atau enggan membayar balik pinjamannya/pembiayaannya, Kerajaan hendaklah membayar bagi pihak peminjam/pelanggan kepada IK yang terlibat.</p> <p>(d) Lain-lain</p> <p>Insentif lain yang ditetapkan oleh Kerajaan seperti <i>expected credit loss</i>, sumbangan/pemberian secara <i>one-off</i> atau tahunan bagi program khusus yang dikenal pasti.</p>
7.	Berapakah kadar subsidi kadar faedah/keuntungan yang diberikan oleh Kerajaan?	Berdasarkan polisi semasa, Kerajaan memberikan subsidi kadar faedah/keuntungan sebanyak 1% setahun kepada peminjam/pelanggan yang layak, tertakluk kepada terma dan syarat program yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.
8.	Berapakah had jaminan yang diberikan oleh Kerajaan?	Had jaminan yang diberikan Kerajaan adalah berbeza mengikut program, tertakluk kepada kelulusan Jemaah Menteri serta terma dan syarat pelaksanaan program yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.
9.	Bilakah tuntutan insentif dana pembangunan dapat dilakukan?	Tuntutan insentif dana pembangunan adalah tertakluk kepada terma syarat tuntutan/pembayaran yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.
10.	Siapakah yang layak membuat tuntutan insentif dana pembangunan?	Agensi pelaksana/institusi kewangan/Pengurus program yang dilantik layak membuat tuntutan insentif dana pembangunan, tertakluk kepada terma dan syarat pelaksanaan program yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

Bil.	Soalan	Jawapan
11.	Bagaimanakah kutipan bayaran balik pinjaman dibuat?	Bayaran balik pinjaman hendaklah dikutip mengikut ansuran dan tempoh yang ditetapkan dalam Jadual Bayaran Balik (JBB) yang berkuat kuasa.
12.	Sekiranya Peminjam lewat atau tidak dapat membayar pinjaman mengikut JBB yang telah dipersetujui, apakah yang perlu dilakukan oleh Peminjam ?	Sekiranya Peminjam lewat atau tidak dapat membayar pinjaman mengikut JBB yang telah dipersetujui, Pemberi Pinjaman hendaklah mengadakan mesyuarat dengan Peminjam dan Peminjam dikehendaki menjelaskan sebab-sebab kelewatan serta mengemukakan cadangan pemulihan pinjaman untuk dibincangkan.
13.	Bagaimanakah penamatan pinjaman boleh berlaku?	<p>Penamatan pinjaman boleh berlaku dalam keadaan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Keingkaran menyempurnakan atau mematuhi mana-mana daripada terma atau syarat pinjaman; (ii) Apa-apa perkara lain yang menjejaskan bayaran balik pinjaman atau penyempurnaan projek; (iii) Projek tidak mencapai kemajuan yang memuaskan; atau (iv) Tindakan undang-undang diambil ke atas Peminjam.
14.	Apakah maksud pemulihan pinjaman?	Pemulihan pinjaman adalah usaha yang dilakukan untuk mendapatkan bayaran balik pinjaman tertunggak dalam tempoh pinjaman masih sah atau tempoh pinjaman telah tamat.
15.	Apakah kaedah pemulihan pinjaman yang dilaksanakan?	<p>Terdapat 2 kaedah pemulihan pinjaman seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Penjadualan Semula Pinjaman; dan (ii) Penstrukturan Semula Pinjaman

dikemas kini setakat 2 Julai 2025